

Belia wajar rebut kerjaya pelaut tawar imbuhan tinggi



Oleh Dr Chuah Lai Fatt
dan Shahrul Miza Mahmud
bhrencana@bh.com.my



Lai Fatt ialah
Pensyarah Kanan
Pusat Pengajian
Pengurusan
Teknologi dan
Logistik UUM,
manakala Shahrul
Miza Jurutera
Maritim Bertauliah
United Kingdom

Pengangkutan maritim menjadi sektor komersial paling selamat, mesra alam, kos efektif, cekap tenaga dan menyumbang 90 peratus perdagangan global kepada ekonomi dunia terus berkembang serta berdaya saing.

Menurut Persidangan Perdagangan dan Pembangunan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNCTAD), perdagangan global membabitkan 105,500 kapal dengan lebih 50,000 kapal dagang belayar mengangkut pelbagai jenis kargo dengan mengaji hampir 2 juta pelaut.

Dalam industri ini, Malaysia meratifikasi dan menerima pakai 30 daripada 69 konvensyen maritim antarabangsa Pertubuhan Maritim Antarabangsa (IMO) serta Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) termasuk Konvensyen Antarabangsa Standard Latihan, Persijilan dan Pengawasan (STCW) 1978 bagi memastikan tahap kompetensi dan keselamatan mampan. Konvensyen ini menetapkan piawaian minimum bagi latihan, persijilan dan pengawasan pelaut wajib dipatuhi negara anggota.

Kini, terdapat 32 institut latihan maritim

di negara ini mendapat akreditasi Jabatan Laut Malaysia (JLM) bagi menawarkan kursus memenuhi syarat Konvensyen STCW 78.

Pelaut sangat penting dalam bidang pengangkutan maritim untuk memastikan barangan dalam laluan perdagangan sama ada antarabangsa atau domestik, selamat sampai ke destinasi ditetapkan logistik maritim.

12,000 pegawai pelaut aktif

Malaysia mempunyai 12,000 pegawai pelaut aktif dengan kelayakan perakuan daya saing (dek dan enjin), jauh lebih rendah berbanding negara lain. Tenaga kerja pelaut global majoritinya berasal dari China, Filipina, Indonesia, Russia dan India.

Kerjaya pelaut di negara ini amat rendah walaupun pendapatan ditawarkan menarik dan lumayan, sekali gus memerlukan dorongan ekstrem untuk menggalakkan lebih ramai penyertaan belia.

Diakui, pelaut antara kerjaya mencabar memerlukan pengorbanan besar pekerja terutama berjarau dengan keluarga. Walaupun kurang popular dalam kalangan belia, kerjaya ini antara pemangkin ekonomi negara.

Kumpulan Wang Pusat Perdagangan Laut (KWPP) dan sesetengah syarikat perkapalan domestik mahupun antarabangsa menawarkan biasiswa kepada belia untuk mengikuti latihan STCW.

Pendapatan setiap pelaut dibayar mengikut jawatan di atas kapal dan mata wang pendapatan

bergantung kepada syarikat perkapalan berdaftar sama ada di dalam atau di luar negara. Terdapat syarikat perkapalan tempatan membayar gaji dalam mata wang dolar Amerika Syarikat (AS).

Anggaran pendapatan kasar pegawai kapal antara AS\$500 (RM2,235) hingga AS\$25,000 (RM111,735) sebulan, bergantung kepada jawatan disandang.

Elaun perkhidmatan turut diperuntukkan sesetengah syarikat perkapalan, seperti elaun makanan, perjalanan dan tugas tertentu di atas kapal.

Anggaran pendapatan bagi bukan pegawai dalam lingkungan AS\$300 (RM1,340) hingga AS\$3,000 (RM13,409), tidak termasuk elaun ketika berkhidmat di atas kapal.

Ada sesetengah syarikat perkapalan memberi imbuhan untuk pelaut setia. Pendapatan dinyatakan ini adalah anggaran kasar bagi syarikat perkapalan tempatan dan luar negara.

Gaji pelaut turut dipengaruhi jenis kapal dan kawasan perdagangan pelayaran. Setiap pengalaman menawarkan cabaran dan ganjaran tersendiri, sama ada kapal kontena, tangki, pengangkut pukal, kargo umum, luar pesisir, gas asli cecair (LNG) serta gas petroleum cecair (LPG).

Walaupun terdapat perbezaan ini, apa yang pasti adalah kebanyakan kapal menyediakan pelaut penginapan, makanan, keperluan asas dan perubatan percuma bagi memastikan mereka dijaga dengan baik selama bekerja di laut.